

Tanggapan Komuniti Iban terhadap Tahap Penyertaan dalam Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)

(The Perception of the Iban Community towards the Level of Participation in Public Wellbeing Development Scheme (PWDS))

KWOK CHIN HOE & HARIS ABD WAHAB

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya
E-mel: *chinhoekwok@gmail.com*

Abstrak

Tanggapan terhadap program pembasmian kemiskinan merupakan elemen penting dalam menentukan tingkat keterlibatan masyarakat dalam program yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan. Artikel ini menghujahkan bahawa masyarakat yang memiliki tanggapan positif terhadap program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan akan lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam menjayakan program pembasmian kemiskinan yang direncanakan untuk mereka. Sehubungan dengan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti hubung kait antara tahap tanggapan komuniti Iban dengan tahap penyertaan mereka dalam salah sebuah program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan di kawasan kajian iaitu Daerah Song, Sarawak. Subjek kajian ini terdiri daripada 260 orang Ketua Isi Rumah (KIR) di rumah panjang yang dipilih menerusi tiga tahap pensampelan rawak bagi menjawab borang soal selidik yang telah dibina. Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan lebih daripada separuh (51.2%) KIR di rumah panjang berada pada tahap sederhana dari segi tanggapan terhadap program di bawah SPKR. Manakala bilangan mereka yang berada pada tahap tanggapan rendah (31.2%) adalah lebih ramai berbanding dengan mereka yang berada pada tahap tanggapan tinggi (17.7%). Analisis statistik Khi Kuasa Dua pula menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan ($p \leq 0.05$) antara tahap tanggapan masyarakat Iban terhadap program di bawah SPKR dengan tahap penyertaan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah skim berkenaan.

Kata kunci: *Penyertaan komuniti, pembasmian kemiskinan, tanggapan, komuniti Iban.*

Abstract

The perception over poverty eradication programs is an important element in determining the level of participation of the community in the government agency-run programs. This article argues that the community that has some positive perceptions on the poverty eradication program will be more likely to participate, in rendering success to the program that has been scheduled for them. In response to this, the main objective of this study is to examine the relationship between the level of perception of the Iban community with their level of participation in one of the poverty eradication programs that have been executed in the district of Song, Sarawak. The subject of this study comprises of 260 Heads of the household (Ketua Isi Rumah, or KIR) at selected long houses through three levels of random sampling, as to answer the questionnaire that had been constructed. As a whole, the study findings have pointed out that more than half (51.2%) of the Heads of household at the longhouses have moderate perceptions on the SPKR programs. Meanwhile, the number of the respondents whose perceptions are at a low level (31.2%) is more than those whose perceptions are at high level (17.7%). The Chi Squared statistical analysis demonstrates that there has been a significant association ($p \leq 0.05$) between the perception level of the Iban community towards the programme under the SPKR with the level of their participation in the decision-making, implementation, benefit-sharing and evaluation of the programme under this scheme.

Keywords: *community participation, poverty reduction, response, Iban community.*

Pengenalan

Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang diperkenalkan pada tahun 2001 di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8) merupakan kesinambungan daripada program-program pembasmian kemiskinan khususnya Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN). Hasrat utama yang ingin dicapai menerusi pelaksanaan skim tersebut adalah untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk yang masih mencatatkan kadar kemiskinan yang tinggi, khususnya melibatkan orang asli di Semenanjung Malaysia dan penduduk peribumi di Sabah dan Sarawak. Terdapat tiga objektif utama ingin dicapai menerusi pelaksanaan program ini. Pertama, menyumbang kepada usaha-usaha pengurangan kadar kemiskinan. Kedua, menyumbang kepada pertambahan peratusan isi rumah golongan berpendapatan sederhana. Ketiga, menyediakan kemudahan kepada kumpulan sasaran agar kualiti hidup mereka dapat ditingkatkan.

Selaras dengan pernyataan objektif tersebut, maka skim ini dirangka dengan merangkumi tiga buah komponen pembangunan iaitu dari segi aspek ekonomi, sosial dan fizikal. Hasilnya, sebanyak sembilan program utama telah dikenal pasti dan dilaksanakan di bawah SPKR. Antaranya ialah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Bangunan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA), Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) serta Program Amanah Saham Bumiputera (ASB Sejahtera).

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM90 juta kepada Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) melalui Bajet 2010 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2010/2011). Berdasarkan Laporan Ekonomi 2010/2011 oleh Kementerian Kewangan, sejumlah RM14.2 juta telah dibelanjakan untuk Program Peningkatan Pendapatan (PPP), RM4.1 juta dibelanjakan untuk Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dan sebanyak RM4.8 juta telah dibelanjakan untuk Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP). Bagi menyediakan perumahan mampu milik dan memperbaiki rumah usang, sebanyak RM30.6 juta telah dibelanjakan untuk Program Bantuan Rumah (PBR). Sebanyak RM6.5 juta lagi telah digunakan untuk perbelanjaan pelaksanaan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI). Walaupun kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan kewangan untuk melaksanakan SPKR, namun demikian, usaha-usaha tersebut masih tidak menampakkan perubahan yang ketara. Peserta skim tersebut didapati kurang komited untuk melibatkan diri dalam program-program yang dilaksanakan (Zazali, 2004). Sedangkan literatur dalam bidang pembangunan membuktikan bahawa penyertaan masyarakat adalah penting kerana ia adalah faktor yang menentukan kejayaan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan (Kwok & Haris, 2014; Asnarulkhadi & Aref, 2011). Tanpa adanya penyertaan daripada masyarakat setempat, usaha untuk membasmi kemiskinan secara menyeluruh tidak mungkin dicapai.

Keterlibatan komuniti setempat dalam proses perencanaan program dapat meningkatkan kawalan mereka terhadap program yang dirangka. Kawalan yang lebih besar oleh komuniti setempat terhadap program-program yang bakal dilaksanakan di tempat mereka diyakini dapat mewujudkan rasa pemilikan ahli komuniti terhadap program yang diimplementasikan. Komuniti setempat melihat bahawa program yang akan dilaksanakan itu sebagai program mereka sendiri bukannya kehendak yang lebih berpihak kepada agensi pelaksana atau sekadar memenuhi formaliti program semata-mata. Rasa pemilikan ini seterusnya mampu meningkatkan kepercayaan komuniti setempat terhadap program yang direncanakan. Kepercayaan dan keyakinan komuniti setempat terhadap inisiatif pembangunan tersebut sudah

pastinya dapat menyumbang kepada penyertaan secara sukarela oleh komuniti setempat dalam program yang akan diadakan. Penyertaan tanpa paksaan ini sudah semestinya dapat meningkatkan komitmen daripada komuniti setempat dari segi pelaksanaan program. Kesiediaan komuniti setempat melibatkan diri dan memberi kerjasama berupaya memastikan usaha yang diadakan adalah ke arah mencapai matlamat program yang telah disasarkan.

Sungguhpun usaha untuk melibatkan komuniti setempat penting dalam menentukan keberhasilan program yang diadakan, namun begitu, usaha untuk melibatkan mereka tidak semudah yang dijangkakan. Ini kerana kesanggupan komuniti lokal untuk mengambil bahagian dalam program yang dilaksanakan sering kali dipengaruhi oleh pelbagai elemen. Literatur membuktikan bahawa elemen-elemen seperti demografi dan sosioekonomi (Augustine & Paul, 2012; Awortwi, 2012; Anyoha, 2011; Tahmeena, Ghulam & Muhammad Ishaque, 2010; Haris, 2004), pengetahuan tentang program (Haris, 2007; Bahaman, 1992), sokongan politik dan kerajaan tempatan (Kwok & Haris, 2013) serta interaksi dengan pegawai program (Allahdadi, 2011) adalah antara elemen yang boleh mempengaruhi penyertaan komuniti dalam program yang diadakan.

Selain daripada elemen yang dinyatakan di atas, keterlibatan ahli masyarakat dalam program yang dilaksanakan sering kali dikaitkan dengan pengaruh tanggapan masyarakat itu sendiri terhadap program yang diterima oleh mereka (Alhaji Abdu, Marof & Asnarulkhadi, 2012; Haris, 2007; Anuar, 2001; Adam, 1993). Masyarakat yang memiliki tanggapan positif terhadap program pembasmian kemiskinan diperlihatkan lebih cenderung melibatkan diri dalam program yang diadakan untuk mereka. Sebaliknya, masyarakat yang mempunyai tanggapan yang negatif terhadap sesebuah program pula kerap kali dikaitkan dengan tahap penyertaan yang kurang memuaskan. Haris (2007) dalam kajiannya membuktikan terdapatnya perbezaan yang signifikan antara tahap tanggapan yang rendah, sederhana dan tinggi dalam penyertaan membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Penemuan oleh beliau itu mengesahkan bahawa masyarakat yang beranggapan positif adalah lebih bersedia untuk melibatkan diri secara aktif dalam program yang direncanakan untuk mereka. Penemuan tersebut konsisten dengan dapatan kajian oleh Anuar (2001) dan Adam (1993) yang turut menemui terdapatnya perhubungan yang positif antara tanggapan masyarakat dengan penyertaan mereka dalam program yang dilaksanakan.

Penyertaan ahli komuniti dalam pelaksanaan projek juga bergantung kepada tanggapan mereka terhadap nilai faedah yang dijangka akan dinikmati sekiranya mereka memutuskan untuk mengambil bahagian dalam projek tersebut (Haris, 2007). Apabila jangkaan terhadap hasil daripada penyertaan adalah tinggi, maka peserta akan melibatkan diri. Apabila jangkaan terhadap hasil daripada penyertaan adalah rendah, kemungkinan peserta tidak menyertai

program tersebut adalah tinggi. Sungguhpun demikian, jangkaan nilai faedah yang tinggi dalam kalangan ahli komuniti belum tentu menjamin bahawa mereka akan melibatkan diri dalam projek tersebut. Ini kerana keputusan akhir sama ada mereka akan terlibat atau tidak terlibat dalam projek adalah terletak pada mereka sendiri. Situasi yang sama juga boleh digambarkan dalam kalangan masyarakat Iban di Daerah Song, Sarawak. Tanggapan mereka terhadap program di bawah SPKR mungkin menjadi elemen yang mempengaruhi keterlibatan mereka dalam program di bawah skim berkenaan. Lanjutan daripada segala permasalahan yang telah dibincangkan, maka terdapatnya keperluan bagi meneliti dan mengesahkan perkaitan antara tahap tanggapan masyarakat Iban dengan tahap penyertaan mereka dalam program di bawah SPKR.

Metodologi

Kajian yang bersifat mikro ini menumpukan kepada sebuah daerah di Bahagian Kapit, Sarawak iaitu Daerah Song sebagai lokasi kajian. Untuk tujuan kajian ini, seramai 260 orang responden yang terdiri daripada Ketua Isi Rumah (KIR) dipilih menerusi tiga tahap persampelan rawak iaitu (i) pemilihan kawasan rumah panjang, (ii) pemilihan rumah panjang dan (iii) pemilihan responden. Penempatan kawasan rumah panjang di daerah ini terbahagi kepada enam buah kawasan utama iaitu (i) Batang Rejang Hilir, (ii) Batang Rejang Hulu, (iii) Katibas Hilir dan Sungai Musah, (iv) Tekalit, (v) Katibas Tengah dan Bangkit serta (vi) Katibas Hulu. Daripada enam buah kawasan rumah panjang tersebut, sebanyak tiga buah kawasan rumah panjang telah dipilih menerusi pensampelan rawak. Tiga buah kawasan rumah panjang yang terlibat dalam kajian ini ialah kawasan Batang Rejang Hilir, kawasan Batang Rejang Hulu serta kawasan Katibas Hilir dan Sungai Musah. Jumlah bilangan rumah panjang di ketiga-tiga kawasan rumah panjang tersebut adalah berbeza-beza. Kawasan Batang Rejang Hilir terdiri daripada 30 buah rumah panjang, kawasan Batang Rejang Hulu pula meliputi 24 buah rumah panjang di sekitarnya serta kawasan Katibas Hilir dan Sungai Musah yang terdiri daripada 28 buah rumah panjang.

Seterusnya, pemilihan rumah panjang daripada ketiga-tiga buah kawasan rumah panjang dilakukan secara rawak. Pada peringkat ini, pemilihan rumah panjang dibuat dengan menetapkan sebanyak 10 peratus ke atas ketiga-tiga kawasan rumah panjang (kawasan Batang Rejang Hilir, kawasan Katibas Hilir serta Sungai Musah dan kawasan Batang Rejang Hulu) yang berkenaan. Pemilihan yang melibatkan penetapan sebanyak 10 peratus dalam kajian ini adalah selari dengan saranan oleh Champion (1970). Menurut beliau, saiz sampel biasanya ditentukan melalui "sampling fraction" iaitu dengan kadar 1 per 10 daripada jumlah populasi. Ini bermakna pemilihan yang menetapkan sebanyak 10 peratus dalam persampelan kajian ini sudah cukup untuk mewakili

keseluruhan populasi (Champion, 1970). Hasilnya, tiga buah rumah panjang dipilih dari kawasan Batang Rejang Hilir serta kawasan Katibas Hilir dan Sungai Musah. Manakala dua buah rumah panjang dipilih dari kawasan Batang Rejang Hulu. Selepas selesai membuat pemilihan rumah panjang, langkah seterusnya pula melibatkan pemilihan responden kajian daripada lapan buah rumah panjang yang telah dinyatakan di atas. Subjek kajian ini adalah Ketua Isi Rumah (KIR) bagi setiap keluarga di rumah panjang bagi menjawab borang soal selidik yang telah dibina. Penyelidik telah mendapatkan satu senarai lengkap bilangan pintu yang mendiami rumah panjang. Daripada senarai yang diperolehi, dikenal pasti bahawa terdapat 260 buah pintu yang menetap di kelapan-lapan rumah panjang tersebut. Maka dengan itu, seramai 260 individu yang merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) yang mewakili 260 buah pintu telah menjadi subjek kajian ini.

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mengumpul maklumat tentang tanggapan terhadap program di bawah SPKR dan penyertaan mereka dalam program di bawah SPKR. Penyertaan komuniti Iban dalam SPKR diteliti berbandukan empat bentuk penyertaan yang telah dicadangkan oleh Cohen dan Uphoff (1977) iaitu penyertaan dalam membuat keputusan, penyertaan dalam pelaksanaan, penyertaan dalam berkongsi manfaat dan penyertaan dalam penilaian program. Maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian komputer "Statistical Package for Social Sciences" (SPSS) versi 16.0. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan taburan, statistik asas (frekuensi dan peratusan) bagi semua angkuabah dalam kajian. Ujian Khi Kuasa Dua pula digunakan untuk menentukan keertian hubungan antara tahap tanggapan terhadap program dengan tahap penyertaan komuniti Iban dalam program di bawah SPKR.

Dapatan Kajian

Tanggapan terhadap program di bawah SPKR

Setelah analisis data tanggapan masyarakat Iban terhadap program di bawah SPKR dilakukan, didapati ahli masyarakat mempunyai tanggapan yang baik terhadap program di bawah SPKR. Keadaan ini dapat dilihat daripada jawapan "setuju" bagi pernyataan yang berbentuk positif dan jawapan "tidak setuju" bagi pernyataan negatif (Jadual 1). Sebilangan besar KIR bersetuju dengan pernyataan program di bawah SPKR sangat bermanfaat (77.7%), program di bawah SPKR dirancang berdasarkan keperluan masyarakat (80.8%), masyarakat terlibat dalam merangka program di bawah SPKR (81.5%) dan pernyataan program di bawah SPKR membantu membentuk kepimpinan tempatan (93.8%). Sebilangan besar KIR juga tidak bersetuju dengan empat pernyataan negatif yang dikemukakan kepada mereka, iaitu pernyataan

program di bawah SPKR patut diberhentikan (70.4%), program di bawah SPKR hanya difokuskan pada individu tertentu sahaja (64.6%), program di bawah SPKR hanya difokuskan pada kawasan tertentu sahaja (55.0%) dan pernyataan saya tidak mendapat banyak faedah daripada program di bawah SPKR (77.7%) (Jadual 1).

Jadual 1

Tanggapan terhadap Program di bawah SPKR

Pernyataan Tanggapan Terhadap Program Di Bawah SPKR	Peratusan Bilangan KIR			
	STS	TS	S	SS
Program di bawah SPKR sangat bermanfaat	0.0	0.0	77.7	22.3
Program di bawah SPKR dirancang berdasarkan keperluan masyarakat	0.0	1.5	80.8	17.7
Masyarakat terlibat dalam merangka program di bawah SPKR	0.0	7.3	81.5	11.2
Program di bawah SPKR patut diberhentikan	28.5	70.4	1.2	0.0
Program di bawah SPKR membantu membentuk kepimpinan tempatan	0.0	0.0	93.8	6.2
Program di bawah SPKR hanya difokuskan pada individu tertentu sahaja	5.4	64.6	29.6	0.4
Program di bawah SPKR hanya difokuskan pada kawasan tertentu sahaja	5.0	55.0	39.6	0.4
Saya tidak mendapat banyak faedah daripada program di bawah SPKR	4.6	77.7	17.3	0.4

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju TS =Tidak Setuju S=Setuju SS= Sangat Setuju

Tahap Tanggapan Terhadap SPKR

Tahap tanggapan masyarakat Iban terhadap SPKR ditentukan dengan menjumlah skor daripada lapan pernyataan dan skor yang diberikan kepada setiap pernyataan adalah seperti berikut: Sangat Setuju = 4, Setuju = 3, Tidak Setuju = 2 dan Sangat Tidak Setuju = 1. Bagi pernyataan yang berbentuk negatif, skor yang diberikan diterbalikkan. Tahap tanggapan terhadap program di bawah SPKR dikategorikan kepada tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Penentuan sela skor tahap tanggapan terhadap program di bawah SPKR adalah berdasarkan nilai purata dan sisihan piawai. Tahap tanggapan rendah ditentukan dengan cara purata skor ditolak nilai sisihan piawai. Tahap tanggapan tinggi pula ditentukan dengan cara purata skor ditambah dengan nilai sisihan piawai. Tahap tanggapan sederhana adalah nilai skor antara tahap

tanggapan rendah dan tahap tanggapan tinggi. Dalam kajian ini, skor purata yang diperoleh ialah 25.75, nilai sisihan piawai ialah 2.24. Skor minimum sebanyak 21 dan skor maksimum sebanyak 33. Skor yang kurang daripada 24 adalah menunjukkan tahap tanggapan terhadap program di bawah SPKR yang rendah. Skor antara 25 hingga 27 menunjukkan tahap tanggapan terhadap program di bawah SPKR yang sederhana dan skor 28 dan ke atas adalah menunjukkan tahap tanggapan terhadap program di bawah SPKR yang tinggi. Hasil analisis menunjukkan lebih daripada separuh (51.2%) KIR di rumah panjang mempunyai persepsi pada tahap sederhana dari segi tanggapan terhadap program di bawah SPKR (Jadual 2). Manakala bilangan mereka yang berada pada tahap tanggapan rendah (31.2%) adalah lebih ramai berbanding dengan mereka yang berada pada tahap tanggapan tinggi (17.7%).

Jadual 2

Tahap Tanggapan terhadap Program di bawah SPKR

Tahap Tanggapan Terhadap SPKR	Bil	%
Rendah (Skor \leq 24)	81	31.2
Sederhana (Skor 25 – 27)	133	51.2
Tinggi (Skor \geq 28)	46	17.7
Jumlah	260	100

Skor Purata = 25.75 Skor minimum = 21
 Sisihan Piawai = 2.24 Skor maksimum = 33

Tahap Tanggapan Terhadap Program dan Tahap Penyertaan

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis statistik Khi Kuasa Dua. Penemuan kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan ($p \leq 0.05$) antara tahap tanggapan masyarakat Iban terhadap program di bawah SPKR dengan tahap penyertaan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR (Jadual 3). Penemuan ini menggambarkan KIR yang mempunyai tanggapan yang lebih tinggi atau positif terhadap program di bawah SPKR akan lebih ramai berada pada tahap tinggi dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR. Tanggapan yang positif terhadap program di bawah SPKR telah mendorong masyarakat Iban di Daerah Song untuk menerima dan terlibat dengan lebih aktif dalam program di bawah skim berkenaan. Penemuan ini juga menggambarkan KIR di rumah panjang yang mempunyai tanggapan yang positif terhadap program di bawah SPKR adalah lebih mudah untuk turut terlibat dalam aktiviti membuat keputusan seperti terlibat dalam mesyuarat, menanyakan soalan dan memberikan pendapat. Tanggapan yang positif turut

Jadual 3

Tahap Tanggapan terhadap SPKR dan Tahap Penyertaan

Tahap Tanggapan	Tahap Penyertaan															
	Membuat Keputusan				Pelaksanaan				Berkongsi Manfaat				Penilaian			
	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T	TT	R	S	T
Rendah	16.0	19.8	45.7	18.5	0.0	38.3	56.8	4.9	1.2	58.0	34.6	6.2	2.5	39.5	40.7	17.3
Sederhana	3.8	11.3	63.9	21.1	0.0	6.8	71.4	21.8	0.0	22.6	51.9	25.6	0.0	21.1	44.4	34.6
Tinggi	17.4	6.5	45.7	30.4	0.0	23.9	41.3	34.8	0.0	15.2	30.4	54.3	0.0	15.2	32.6	52.2
Nilai X ²				21.183**			46.600***				60.126***				26.131***	

Nota : TT = Tidak Terlibat, R = Rendah, S = Sederhana, T = Tinggi
 *P ≤ 0.05, **P ≤ 0.01, ***P ≤ 0.001

mendorong KIR di rumah panjang untuk menyumbang dari segi tenaga fizikal, wang tunai dan kemudahan dalam aktiviti pelaksanaan program di bawah SPKR. Mereka juga lebih berpeluang menerima kemudahan, faedah sosial dan segala keperluan sepanjang pelaksanaan program di bawah skim tersebut. Penemuan ini juga menggambarkan mereka yang bertanggapan positif lebih senang untuk mengadakan perbincangan kemajuan program di bawah SPKR bersama dengan pegawai program SPKR serta pegawai agensi lain yang turut terlibat dalam menguruskan program-program di bawah SPKR.

Perbincangan, Implikasi Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, penemuan kajian mendapati terdapat perkaitan yang signifikan ($p \leq 0.05$) antara tahap tanggapan masyarakat Iban terhadap program di bawah SPKR dengan tahap penyertaan dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah skim berkenaan. Penemuan ini menggambarkan semakin ramai masyarakat Iban yang mempunyai tanggapan yang lebih tinggi atau positif terhadap program di bawah SPKR, maka semakin ramai mereka yang berada pada tahap penyertaan tinggi dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program di bawah SPKR yang dilaksanakan di tempat tinggal mereka. Penemuan kajian ini sependapat dengan kajian yang telah dijalankan oleh Haris (1996) yang mendapati faktor tanggapan peserta terhadap program Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK) mempunyai perbezaan yang signifikan dari segi keempat-empat bentuk penyertaan dalam program pembangunan komuniti PMAK. Dapatan ini juga konsisten dengan penemuan oleh Alhaji Abdu, Marof dan Asnarulkhadi (2012), Anuar (2001) serta Adam (1993) yang mengesahkan terdapatnya hubungan antara tanggapan responden dengan penyertaan komuniti.

Selain itu, penemuan kajian ini turut mendapati masih ramai dalam kalangan masyarakat Iban yang mempunyai tahap tanggapan rendah terhadap program di bawah SPKR. Dapatan ini membayangkan bahawa perlu adanya usaha dilakukan oleh agensi pelaksana SPKR untuk meningkatkan tahap tanggapan masyarakat Iban terhadap program di bawah skim ini. Peningkatan tahap tanggapan dalam kalangan masyarakat Iban terhadap program di bawah SPKR ini sudah pasti akan membantu meningkatkan penyertaan mereka dalam program berkenaan dan seterusnya menyumbang kepada keberhasilan program-program yang dilaksanakan di bawah skim tersebut. Atas dasar ini, maka pasukan penyelidik menyarankan agar lebih banyak usaha dilakukan menerusi dialog yang bermatlamat memberikan kesedaran kepada masyarakat setempat berkaitan dengan objektif program di bawah SPKR, komponen-komponen program di bawah SPKR, prasyarat memohon bantuan program, kaedah pemilihan penerima bantuan serta manfaat-manfaat yang ditawarkan di bawah SPKR. Perkongsian maklumat dan informasi sedemikian akan dapat

membantu meningkatkan pengetahuan masyarakat setempat terhadap program di bawah SPKR serta berupaya mengelak masyarakat daripada membuat tanggapan negatif terhadap bantuan program yang disalurkan ke tempat mereka.

Penutup

Berpandukan penemuan kajian serta sokongan sumber literatur, maka artikel ini menyimpulkan bahawa tanggapan komuniti Iban di rumah panjang terhadap program di bawah SPKR sepatutnya ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi atau ke arah yang lebih positif demi memastikan lebih ramai bilangan komuniti Iban yang berada pada tahap penyertaan tinggi dalam membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agensi pelaksana program di bawah SPKR lebih kerap mengadakan interaksi bersama penduduk rumah panjang, memberi taklimat atau penjelasan berkaitan dengan prasyarat-prasyarat program di bawah SPKR yang melayakkan mereka memohon dan menerima bantuan program di bawah skim berkenaan. Dengan demikian, ia dapat mengelak timbulnya tanggapan negatif dalam kalangan penduduk rumah panjang yang beranggapan bahawa bantuan program di bawah SPKR hanya disalurkan kepada individu atau penduduk di kawasan tertentu sahaja.

Agensi pelaksana juga bertanggungjawab untuk memastikan terdapat wakil daripada kumpulan sasar iaitu penduduk rumah panjang yang terlibat bersama dalam proses merangka program pembasmian kemiskinan. Penyertaan penduduk rumah panjang selaku golongan penerima manfaat dalam proses perancangan program adalah penting kerana masyarakat itu sendiri lebih mengetahui masalah yang berlaku dalam komuniti mereka dan keperluan utama yang menjadi prioriti mereka. Ia membolehkan agensi pelaksana mendapat maklum balas daripada mereka berkait dengan kesesuaian setiap program yang diperkenalkan. Penyertaan golongan penerima manfaat iaitu komuniti Iban dalam proses perancangan program dan maklum balas yang diperolehi daripada ahli komuniti juga dapat memastikan setiap program yang dilaksanakan di peringkat rumah panjang adalah dirancang berdasarkan defisit keperluan mereka bukannya sekadar memenuhi formaliti program semata-mata. Maka dengan itu, terbentuk tanggapan yang lebih positif dalam kalangan masyarakat di rumah panjang terhadap program yang dilaksanakan untuk mereka. Dengan adanya tahap tanggapan yang lebih positif terhadap program yang dilaksanakan, ia dapat memastikan lebih ramai masyarakat Iban di rumah panjang yang berada pada tahap penyertaan tinggi dalam aktiviti membuat keputusan, pelaksanaan, berkongsi manfaat dan penilaian program pembasmian kemiskinan. Tahap penyertaan yang tinggi ini pula akan menyumbang kepada kejayaan program-program yang dilaksanakan untuk masyarakat di rumah panjang.

Rujukan

- Adam Tanko Zakariah. (1993). Factors associated with audience participation in local radio development programmes in Negeri Sembilan, Malaysia. Masters Thesis, Universiti Pertanian Malaysia.
- Alhaji Abdu Geidam, Marof Redzuan & Asnarulkhadi Abu Samah. (2012). "Assessment of participation in afforestation programme and relationship to empowerment", *International Journal of Academic Reseach in Business and Social Sciences*, 2(8), 310-315.
- Allahdadi, F. (2011). "The level of local participation in rural cooperatives in Iran", *Life Science Journal*, 8(3), 59-62.
- Anuar Ahmad. (2001). Tahap penyertaan pekerja-pekerja kilang dalam program rakan muda sektor industri. Masters Project Report, Universiti Putra Malaysia.
- Anyoha, N. O. (2011). "Factors influencing rural women's participation in development programmes in Rivers State Nigeria: Key for social exclusion elimination", *Journal of Community Mobilization and Sustainable Development*, 6(1), 31-36.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Aref, F. (2011). "The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in processes of community development in Malaysia", *Journal of American Science*, 7(2), 186-195.
- Augustine, O. A. & Paul, I. (2012). "Socio-economic factors influencing farmers' participation in community development organizations in Obubra Local Government Area (LGA) of Cross River State, Nigeria", *Canadian Social Science*, 8(1), 54-59.
- Awortwi, N. (2012). "The riddle of community development: factors influencing participation and management in twenty-nine African and Latin American communities", *Community Development Journal*, 1-16.
- Bahaman Abu Samah. (1992). An assessment of former's participation in integrated agriculture development project in Peninsular Malaysia. PhD Dissertation, Iowa State University.
- Champion, D. J. (1970). *Basic statistic for social research*. New York, Hagerstown, San Francisco, London: Harper & Row Publication.
- Cohen, J. & Uphoff, N. T. (1977). *Rural development participation: concepts and measures for project design, implementation and evaluation*. New York: Cornell University Ithaca.
- Haris Abd. Wahab. (1996). Penyertaan peserta dalam Program Pembangunan Manusia Asas Kampung (PMAK). Tesis Sarjana, Universiti Pertanian Malaysia.
- Haris Abd. Wahab. (2004). Penglibatan masyarakat tempatan dalam projek pembangunan komuniti. Dalam Dani Salleh (eds), *Pembangunan komuniti: Dasar, konsep, strategi dan isu di Malaysia*. Kedah: Penerbit Universiti Utara.

- Haris Abd. Wahab. (2007). *Penyertaan masyarakat tani dalam pembangunan komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2010/2011). *Laporan Ekonomi: Bab 1 Pengurusan dan prospek ekonomi*.
- Kwok, C. H. & Haris Abd Wahab. (2013). "Sokongan politik dan penglibatan masyarakat dalam program pembasmian kemiskinan di Sarawak", *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 9(1), 79-86.
- Kwok, C. H. & Haris Abd Wahab (2014). "Hubungan antara Angkubah sosioekonomi dan penyertaan komuniti iban dalam program pembangunan diri", *Journal of Business and Social Development*, 2(1), 114-122).
- Tahmeena Dilshad, Ghulam Yasin & Muhammad Ishaque Fani (2010). "Impacts of socio- economic factors on participatory community development: A Case of Tehsil Dera Ghazi Khan", *European Journal of Social Sciences*, 18(2), 203-209.
- Zazali Salehudin (2004). Dasar, strategi dan pelaksanaan kemiskinan daripada perspektif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Dalam Mohamad Khairudin Mohamad & Ahmad Syahir Sarani (eds), *Pembasmian kemiskinan bandar dan luar bandar*. Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).